

16/03/2000

Dr Mahathir serah empat lembu korban

ALOR STAR, Rabu - Perdana Menteri hari ini menyerahkan empat lembu korban kepada empat masjid, masing-masing di Taman Mahsuri, Jitra; Kampung Lembah Palas, Changlun; Titi Gajah, di sini dan Pendang.

Sejurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini jam 4.10 petang ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri taklimat mengenai projek pembinaan Universiti Darulaman, iaitu institusi pengajian tinggi swasta yang dibangunkan MIC di Semeling, dekat Sungai Petani.

Dr Mahathir kemudian menyerahkan lembu korban yang pertama di Taman Mahsuri, sebelum menyerahkan seekor lagi lembu di Kampung Lembah Palas.

Perdana Menteri sempat meluangkan waktu melawat Pengetua Sekolah Menengah Nahdatul Hasanah Melele, Kodiang, Datuk Mursyid Diraja Tajuddin Abdul Rahman yang terlantar sakit tua di sekolah berkenaan.

Dua lagi lembu korban diserahkan Dr Mahathir di kediamannya di Titi Gajah, di sini, masing-masing untuk masjid di kawasan itu dan Pendang.

(END)